



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 JANUARI 2025 (SELASA)

Penternak Melaka Wajib Daftar Kod QR Haiwan Ternakan, Elak Haiwan Berkeliaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	6 Jan



Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab rauf Yusof. -Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan Melaka mengambil inisiatif melaksanakan sistem digital bagi mengenal pasti pemilik haiwan ternakan yang berkeliaran di atas jalan raya.

Susulan itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusof, berkata semua penternak di negeri itu bakal diwajibkan mendaftar dalam sistem berkenaan dengan setiap haiwan ternakan mereka 'dibekalkan' kod QR.

Katanya, melalui kod QR berkenaan akan dinyatakan alamat pemilik haiwan

ternakan terbabit untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan undang-undang diambil jika haiwan berkeliaran.

"Inisiatif ini dilakukan melalui pewartaan terhadap undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mewajibkan setiap penternak berdaftar dengan sistem berkenaan.

"Ia dilakukan dengan kerjasama PBT di setiap daerah dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

“Setiap penternak diwajibkan berdaftar dalam tempoh tiga bulan dengan pihak PBT di daerah masing-masing. Bagi haiwan ternakan yang ditemui berkeliaran di atas jalan raya, ia akan ditangkap dan dilelong dalam tempoh dua minggu jika pemilik tidak membuat tuntutan,” katanya pada Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Inisiatif Kampung Digital Melaka antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan Kerajaan Melaka, di sini, hari ini.-[BULETINTV3](#)

Tiga Lelaki Ditahan Disyaki Seludup 2,000 Kg Karkas Khinzir Bernilai Lebih RM100,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Selangor Kini	Jenayah	Online	6 Jan



KOTA BHARU, 6 JAN: Tiga lelaki ditahan kerana disyaki menyeludup hampir 2,000 kilogram karkas khinzir dianggarkan bernilai RM165,696 di Kampung Tasek Kwong, Lubok Stoi, Rantau Panjang, Sabtu lepas.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata kesemua yang berusia 30 hingga 44 tahun itu ditahan pada 2.30 petang ketika menaiki sebuah lori.

Beliau berkata pemeriksaan mendapati karkas khinzir

tanpa dokumen sah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu disorokkan di dalam lori terbabit.

“Mereka dipercayai bertindak sebagai penghantar untuk menyeludup karkas khinzir itu ke pasaran tempatan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Nik Ros Azhan berkata kesemua suspek bersama barang rampasan dibawa ke Komtack PGA Taman Bakti untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647).

Dalam kes lain, beliau berkata PGA menahan seorang lelaki warga Thailand dipercayai cuba menyeludup masuk barangan runcit yang dianggar bernilai RM28,600 di Sekat Pintas Serongga, Rantau Panjang, kira-kira 8.30 pagi Sabtu lepas.

Beliau berkata lelaki berusia 44 tahun itu ditahan selepas anggota PGA menahan kenderaan dipandunya dan pemeriksaan menemukan pelbagai barangan runcit dipercayai dari Thailand tanpa dokumen sah.

“Barangan dirampas dibawa ke Komtak PGA Taman Bakti untuk siasatan mengikut Seksyen 4(1) Akta Makanan 1983,” katanya.–

[SELANGORKINI](#)

GOF Foils Attempt To Smuggle Pig Carcasses Worth Over RM160,000, Nabs Three Men

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	6 Jan

KOTA BARU: Three local men were arrested on suspicion of smuggling nearly 2,000kgs of pig carcasses, estimated to be worth RM165,696, in Kampung Tasek Kwong, Lubok Stoi, Rantau Panjang on Saturday.

Southeast Brigade General Operations Force (GOF) commander Datuk Nik Azhan Nik Ros Nik Ab Rahman said in a statement on Monday (Jan 6) that the suspects, aged between 30 and 44, were apprehended at 2.30pm.

He said an inspection of the suspects' lorry found pig carcasses without valid documentation from the Veterinary Services Department, which was believed to be for the local market.

Nik Azhan said the case is being investigated under Section 36(1) of the Animals Act 1953 (Act 647).

Meanwhile, he said GOF personnel also arrested a 44-year-old Thai man at a roadblock in Serongga,

Rantau Panjang, for attempting to smuggle grocery items estimated to be worth RM28,600.

He said the man was arrested at 8.30am on Saturday (Jan 4) after GOF members found various suspected smuggled grocery items without valid documentation in his vehicle.

He added that the case is being investigated under Section 4(1) of the Food Act 1983. - [THE STAR](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR